

Kastam gagal kutip duti RM12.65 juta daripada Pekema

KUALA LUMPUR – Audit terhadap Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mendapati duti sebanyak RM12.65 juta gagal dikutip oleh jabatan itu daripada Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (Pekema).

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3, Pekema di-

dapati tidak memohon lanjutan masa untuk penyimpanan kenderaan dalam gudang berlesen yang melebihi 36 bulan tanpa bayaran duti.

Sehingga akhir tahun 2014, anggaran duti berjumlah RM12.65 juta sepatutnya boleh dituntut daripada gudang berlesen Pekema yang tidak memo-

hon lanjutan masa.

“Kawalan terhadap stok kenderaan dalam gudang berlesen adalah kurang memuaskan kerana pihak JKDM tidak memastikan pemegang lesen memohon lanjutan masa untuk penyimpanan kenderaan yang melebihi 36 bulan tanpa bayaran duti.

“Adalah didapati tujuh gudang berlesen (12.3 peratus daripada 57 gudang berlesen yang disemak) tidak mempunyai insurans kebakaran dan kecurian melibatkan 725 buah kenderaan dengan anggaran duti berjumlah RM38.22 juta,” kata laporan itu.

Sehubungan itu, JKDM telah

mengambil tindakan memberi nombor lot kepada stok kenderaan di dalam gudang berlesen, mengeluarkan surat kepada pemegang berlesen supaya penyata stok disediakan mengikut format ditetapkan serta mengenakan kompaun kepada pemegang lesen yang tidak mematuhi peraturan.